

MAHATHIR - QURAN

(I)

OLEH RACHMAN NORDIN    1984

PHILADELPHIA, 9 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENJEMPUT MASYARAKAT ISLAM AMERIKA MENGHANTAR WAKIL MEREKA KE PERTANDINGAN HEMBACA AL QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA YANG DIANJURKAN OLEH MALAYSIA SETIAP BULAN BULAN PUASA DI KUALA LUMPUR.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BUKAN SAHAJA INGIN MELIHAT MASYARAKAT ISLAM AMERIKA MENGAMBLL BAHAGIAN TETAPI JUGA MENGGUNAKAN PELUANG ITU UNTUK MELAHIRKAN PERASAAN PERSAUDARAAN DENGAN ORANG-ORANG ISLAM DI SELURUH DUNIA SEMASA MUSABAQAH ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YENYAMPAIKAN JEMPUTAN ITU SEWAKTU BERUCAP KEPADA LEBIH 500 ORANG IBU BAPA, PARA PELAJAR DAN PEGAWAI SEKOLAH SISTER CLARA MOHAMAD UNTUK KANAK-KANAK MUSLIM DI SINI SEMALAM. SEKOLAH TERSEBUT ADALAH SATU-SATUNYA INSTITUSI JENISNYA YANG BUKAN KERAJAAN DI AMERIKA SYARIKAT UNTUK KANAK-KANAK MUSLIM DARIPERINGKAT TADIKA SEHINGGA KE PERINGKAT USIA DARI ENAM HINGGA 17 TAHUN.

LAWATAN KE SEKOLAH ITU MEMBERIKAN PELUANG SEBENAR KEPADANYA UNTUK MENEMUI MASYARAKAT ISLAM AMERIKA, KATA PERDANA MENTERI

BELIAU SANGAT TERTARIK HATI DENGAN KEBOLEHAN PARAPELAJARYANG BUKAN SAHAJA BOLEH MEMBACA QURAN TETAPI JUGA MEMAHAMI ERTINYA, BERDASARKAN PENYAMPAIAN MEREKA KEPADA BELIAU, KATANYA.

BELIAU BERHARAP SEKOLAH TERSEBUT AKAN TERUS MENANAMKAN NILAI-NILAI TERTINGGI TERHADAP PARA PELAJAR ITU SUPAYA MEREKA BUKAN HANYA DIHORMATI DI KALANGAN MASYARAKAT MEREKA TETAPI KEHADIRAN MEREKA JUGAMENJADI SATU RAHMAT.

BELIAU MEMBERITAHU IBUBAPA DAN PARA PELAJAR ITU BAHAWA MENJADI SEORANG MUSLIM, MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MEMUTUSKAN SILATURRAHIM DENGAN SANAK-SAUDARA DAN RAKAN-RAKAN MEREKA YANG BELUM MEMELUK ISLAM.

ISLAM JUGA TIDAK MENGHALANG MEREKA UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN ATAU MENCENEPIKAN DUNIA KERANA SEBAGAI SEORANG ISLAM MEREKA MEMPUNYAI PERANAN DI DUNIA DAN AKHIRAT.

PERDANA MENTERI MENGGESA MUSLIM AMERIKA BERUSAHA MENJAGAMARUAH PARAPENGIKUTNYA MENGENAI KEPERCAYAAN DAN MEMBUKTIKAN KEPADA DUNIA BAHAWA ISLAM ITU TIDAK MENGGALAKKAN PEPERANGAN.

BELIAU BERKATA PEPERANGAN DAN PERTELINGKAHAN LAIN YANG MELIBATKAN ORANG-ORANG ISLAM SEKARANG TIDAK ADA KAITAN DENGAN PENGAJARAN ISLAM TETAPI DISEBABKAN KESILAPAN PENAFSIRAN ORANG-ORANG ISLAM DAN BUKAN ISLAM MENGENAINYA.

PARA PELAJAR DARIPADA BERBAGAI-BAGAI PERINGKAT ITU MEMBACA AL-QURAN DAN BEBERAPA KERATAN AYAT-AYAT SUCI DI HADAPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH.

ORANG-ORANG KENAMAAN, PARA PELAJAR DAN TETAMU TERMASUK PEGAWAI-PEGAWAI KESELAMATAN MENANGGALKAN KASUT MEREKA SEBELUM MASUK KEDALAM DEWAN SEKOLAH ITU. DI DINDING-DINDING SEKOLAH ITU TERPAMPANG TULISAN-TULISAN BERWARNA HIJAU ALLAHU-AKBAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, DUTA MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT, DATUK LEW SIP HON DAN ISTERINYA DUDUK DI ATAS LANTAI DIDALAM DEWAN ITU, DI MANA ORANG-ORANG LELAKI DAN WANITA DUDUK BERASINGAN. PERDANA MENTERI DIHADIAHKAN SEBUAH PERISAI SEKOLAH ITU SEMENTARA DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MENERIMA SEJAMBAK BUNGA SEMENA KUNJUNGAN MEREKA KE SEKOLAH ITU. -- BERNAMA